

# TPM mahu kerja lebih dianggap amalan murni

BH- 3/4/2007

Oleh Wan Hazmir Bakar

**P**UTRAJAYA: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengajak kakitangan awam mengubah minda dengan melihat tugas, termasuk kerja lebih masa sebagai amalan yang mulia serta murni dan bukan penderaan.

Najib berkata, perubahan minda perlu kerana kakitangan awam mesti sanggup bekerja kuat untuk melaksanakan Misi Nasional yang sudah digariskan dan dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, tahun lalu.

Beliau berkata, seseorang tidak akan melihat kerja sebagai beban jika memahami ia sesuatu yang baik.

"Kalau kita melihat kerja itu sebagai bebanan dan apabila orang suruh kita kerja lebih masa, kita tentunya tidak akan buat dan mungkin ada tentangan."

"Sebaliknya, kalau kita ubah minda bahawa kerja itu suatu yang mulia, baik dan dapat ganjaran pahala daripada Allah, maka walaupun kita terpaksa kerja kuat sembilan hingga 10 jam, kita tidak anggap beban," katanya pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri, di sini semalam.

Hadir sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Maximus Johnity Ongkili dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidedek Hassan.

Najib berkata, kejayaan pelaksanaan Misi Nasional penting kerana bertepatan dengan sambutan Hari Kebangsaan ke-50 yang menandakan Malaysia sudah menempa kejayaan dan semakin hampir menjadi negara maju.

Justeru, dalam merayakan tahun keramat ini, katanya, kakitangan awam perlu berusaha keras menjadikan ia tahun yang amat bermakna dan bukan sekadar berseorok dengan pelbagai acara sam-

butan yang diadakan.

"Misi Nasional sudah dibentangkan, dihurai dan dijadikan landasan penting oleh Perdana Menteri tahun lalu. Perdana Menteri juga sudah menyatakan tahun ini tahun pelaksanaannya. Apabila kita sebut pelaksanaan, bererti kita mesti fokus kepada keupayaan, sama ada sebagai seorang insan, organisasi atau kerajaan," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak boleh mencontohi beberapa negara Eropah yang mengehakkan kakitangan awamnya bekerja 35 jam seminggu atau tidak lebih tujuh jam sehari jika ingin mencapai Wawasan 2020.

Najib menegaskan negara seperti itu tidak mungkin dapat mencapai pertumbuhan ekonomi lebih tinggi kerana produktiviti tersekat.

"Negara seperti ini akan hilang produktiviti dan daya saingan serta mungkin berdepan pelbagai masalah kerana mengurangkan pengeluaran negara apabila mengenakan syarat kerja tidak lebih 35 jam seminggu."

"Cuba kita bayangkan kalau bekerja sembilan hingga 10 jam sehari dengan negara yang bekerja tujuh jam sehari. Kita darabkan dengan 10, 20, 30 tahun akan datang. Bayangkan Malaysia pada 50 tahun akan datang berdasarkan produktiviti 10 jam sehari berbanding kalau kita bekerja tujuh atau lapan jam sehari," katanya.

**“Tiada galang ganti kepada kerja kuat dan kuat berkerja adalah sesuatu yang amat penting dijadikan pegangan dan budaya kita”**

**Najib Razak**  
Timbalan Perdana Menteri